

IPT DISARANKAN MEMPERKASAKAN BAHASA

BAHASA MELAYU pada amnya dipertuturkan di sebahagian negara di Asia Tenggara. Negara-negara Association of Southeast Asian Nations (ASEAN), seperti Malaysia, Singapura, Brunei Darussalam, dan Indonesia menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan.

BAHASA KEEMPAT dunia ini dipertuturkan oleh lebih daripada 300 juta orang di seluruh dunia yang dituturkan oleh masyarakat Melayu di beberapa negara, seperti Thailand, Vietnam, Filipina dan Afrika Selatan.

Di Malaysia, sejarah membuktikan kepentingan bahasa Melayu yang pernah digunakan sebagai bahasa utama dalam perdagangan semasa kegemilangan sejarah kerajaan Melayu Melaka sehingga bahasa ini dikenali sebagai *lingua franca* pada suatu masa dahulu. Sejarah juga membuktikan bahawa bahasa Melayu telah dipertuturkan sejak sekian lama sebelum kewujudan kerajaan Melayu Melaka.

Perkara 152 Perlembagaan Malaysia memperuntukkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan yang mewajibkan bahasa Melayu diguna pakai dalam semua urusan rasmi. Walaupun bahasa Melayu merupakan bahasa rasmi, peruntukan ini tidak menafikan hak masyarakat Malaysia untuk menggunakan dan mempelajari bahasa lain dalam kehidupan mereka. Namun demikian, sebagai bahasa kebangsaan, sudah sewajarnya bahasa ini diangkat sebagai bahasa utama dalam semua bentuk komunikasi, baik secara rasmi mahupun tidak rasmi. Persoalannya sekarang, mengapa setelah sekian lama kewujudan bahasa Melayu dan negara ini mencapai



Bahasa Melayu sebagai alat perpaduan kaum di negara ini.

kemerdekaan, seolah-olah bahasa ini sudah hilang taring dan dipandang remeh oleh masyarakat dunia. Bahasa-bahasa lain terutamanya bahasa Inggeris dan Mandarin sudah jauh meninggalkan bahasa Melayu.

Ada yang lebih menyedihkan apabila bahasa kebangsaan ini diperlekeh oleh masyarakat Malaysia sendiri. Kadangkala seseorang itu dipandang rendah jika dia hanya tahu berbahasa Melayu tetapi tidak fasih berbahasa lain. Mungkin sudah tiba masanya kerajaan memainkan peranan yang lebih agresif dalam usaha memperkasakan bahasa Melayu pada peringkat antarabangsa. Mungkin jika bahasa Melayu tidak hanya dilihat sebagai bahasa kebangsaan, tetapi juga bahasa utama di dunia, bahasa ini akan lebih dihormati dan dipandang tinggi oleh masyarakat dunia. Namun demikian, usaha ini bukan usaha yang mudah. Usaha memartabatkan dan memperkasakan bahasa Melayu dapat dilakukan pada peringkat ASEAN terlebih dahulu kerana kebanyakan negara ASEAN adalah dalam kelompok negara kepulauan Melayu yang mempunyai jumlah penutur bahasa Melayu yang agak tinggi.

Usaha kerajaan untuk memperkasakan bahasa Melayu boleh menjadikan institusi pengajian tinggi (IPT), khususnya universiti sebagai pusat pembelajaran dan pengajaran mampu memainkan peranan penting untuk memartabatkan bahasa Melayu di persada ASEAN. Bagi memastikan usaha ini berjaya, maka setiap komponen dalam universiti seharusnya memainkan peranan mereka untuk memperkasakan bahasa Melayu termasuklah komponen pentadbiran institusi, komponen tenaga pengajar (ahli akademik atau pensyarah) dan komponen mahasiswa.

Tugas untuk memperkasakan dan memartabatkan bahasa Melayu bukanlah suatu tugas yang mudah, namun tugas ini tidak mustahil untuk dilakukan. Ada beberapa cabaran yang dilihat berkemungkinan untuk merencatkan usaha pemerksaan bahasa Melayu. Menurut Rozali Rajab, cabaran yang dihadapi oleh bahasa Melayu termasuklah cabaran bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi, cabaran bahasa

Mengapakah IPT dianggap sebagai penting dalam usaha memartabatkan bahasa Melayu dan bagaimanakah institusi ini mampu berbuat demikian? Yang pertama, IPT di Malaysia sudah lama membuka pintunya kepada pelajar asing.

Melayu pada zaman sains dan teknologi, cabaran bahasa Melayu terhadap sikap penuturnya, dan cabaran bahasa Melayu terhadap penggunaan bahasa Melayu.

Ternyata, keempat-empat cabaran yang tercatat ini saling berkait rapat. Mungkin tidak keterlaluan untuk mengatakan bahawa cabaran ketiga, iaitu sikap penutur bahasa Melayu dapat dianggap sebagai punca utama yang menyebabkan bahasa Melayu semakin lesu dan akhirnya usaha untuk memartabatkannya akan menjadi semakin layu. Masyarakat Malaysia dilihat sudah kurang jati dirinya dalam konteks penggunaan bahasa Melayu berbanding dengan masyarakat di Indonesia dan Brunei yang memang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa utama komunikasi. Bagaimana mungkin bahasa kita dianggap penting oleh bangsa lain jika kita sendiri kurang mengutamakan?

Profesor Abdullah Hassan pernah menulis berkenaan dengan masyarakat Malaysia yang semakin terhakis jati dirinya dek dirempuh oleh ombak globalisasi. Antara petanda hilangnya jati diri apabila masyarakat tidak lagi berbangga untuk menggunakan bahasa Melayu. Masyarakat Malaysia

terutama di bandar dilihat lebih gemar menggunakan bahasa Inggeris. Lebih sedih lagi apabila bahasa Melayu "dirojakkan" dengan sesuka hati terutama dalam komunikasi tidak rasmi seperti komunikasi melalui WhatsApp atau media sosial yang lain. Cabaran pertama ini menjadi punca terhadap cabaran lain yang menyekat pengembangan bahasa Melayu. Jika sikap masyarakat terhadap kepentingan bahasa Melayu dapat diubah, tidak mustahil bahasa Melayu akan terus maju.

Dalam hal ini, IPT mempunyai keupayaan untuk menangani keempat-empat cabaran yang dinyatakan seperti di atas. Sebagai pusat pengembangan ilmu, IPT seharusnya mampu menjalankan pelbagai program dan usaha untuk mengubah sikap penutur bahasa Melayu, memperkaya bahasa Melayu serta mengintegrasikan bahasa Melayu pada zaman teknologi maklumat dan komunikasi yang semakin berkembang ini.

Mengapakah IPT dianggap sebagai penting dalam usaha memartabatkan bahasa Melayu dan bagaimanakah institusi ini mampu berbuat demikian? Yang pertama, IPT di Malaysia sudah lama membuka pintunya kepada pelajar asing. Kewujudan universiti swasta menyebabkan bilangan pelajar asing di negara ini terus bertambah. Pelajar asing di bumi Malaysia ini sememangnya diwajibkan mempelajari subjek Bahasa Melayu. Pihak universiti boleh menggunakan peluang ini untuk memastikan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu yang berkesan supaya pelajar mampu menguasai bahasa Melayu dengan baik. Pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu tidak sepatutnya dilakukan sekadar melepaskan batuk di tangga. Walaupun bahasa Inggeris mungkin bahasa utama di sesebuah universiti, itu tidak seharusnya menjadi sebab untuk bahasa Melayu dipinggirkan. Pelajar universiti merupakan "ejen" atau duta kecil untuk terus mempromosikan bahasa Melayu apabila mereka pulang ke tanah air mereka.

Dalam usaha memperkasakan bahasa Melayu, bahasa ini harus dijadikan bahasa utama dalam

urusan sehari-hari. Oleh yang demikian, di samping pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu, universiti harus lebih mengutamakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar. Usaha bersepadu harus ditingkatkan supaya bahasa Melayu terus diberikan keutamaan dalam semua program anjuran universiti. Penganjur boleh menyediakan penterjemah dalam program yang melibatkan peserta antarabangsa bagi memastikan bahasa Melayu digunakan dalam semua acara pada peringkat universiti.

Yang kedua, penyelidikan dan penerbitan memang tidak boleh dipisahkan dengan universiti. Antara mekanisme untuk memperkasakan bahasa Melayu adalah dengan memperbanyak penyelidikan dan penerbitan bukan sahaja berkenaan dengan bahasa Melayu, tetapi juga dalam bahasa Melayu. Terdapat beberapa universiti tempatan menerbitkan jurnal berkenaan bahasa Melayu. Namun begitu, penerbitan jurnal boleh diperbanyak dan dipelbagaikan bidang kajiannya. Lebih banyak jurnal dalam bahasa Melayu dapat diperkenalkan dan undangan dapat dihantar kepada rakan akademik di luar negara untuk menyumbang hasil penulisan mereka dalam penerbitan jurnal atau buku. Usaha sebegini bukan sahaja akan menambahkan penerbitan dalam bahasa Melayu, tetapi juga membuka pintu untuk membawa hasil penerbitan kita bertapak di negara luar.

Penerbitan buku dan jurnal dalam usaha memartabatkan bahasa Melayu akan lebih berjaya jika disokong dengan usaha penterjemahan buku sama ada dalam bahasa Melayu ataupun buku bahasa Melayu dalam bahasa asing. Mungkin ada orang yang akan bertanya, bagaimanakah penterjemahan buku dalam bahasa asing dapat membantu untuk memartabatkan bahasa Melayu? Sebenarnya, penterjemahan buku karya tempatan akan memberikan peluang



Bahasa Melayu perlu dipupuk dalam kalangan pelajar untuk mengembangkan bahasa ini.

untuk karya tempatan ditinjau dan dikenali oleh orang luar. Hal ini akan mengundang minat orang luar, bukan sahaja terhadap si penulis dan literatur bahasa Melayu, malah minat untuk lebih mengenali Malaysia yang kaya dengan kepelbagaiannya.

Yang ketiga, pelbagai program dapat diadakan oleh universiti untuk merancakkan lagi penggunaan bahasa Melayu. Program ini dapat dibahagikan kepada dua, iaitu program peringkat kebangsaan dan peringkat antarabangsa. Program ini juga boleh dibuka sama ada kepada pelajar ataupun ahli akademik. Antara program yang sesuai dianjurkan untuk pelajar universiti adalah seperti pertandingan pidato, debat, bercerita, membaca sajak. Pidato Antarabangsa Bahasa Melayu (PABM) anjuran Kementerian Pengajian Tinggi yang mula dianjurkan sejak 2007, misalnya mendapat sambutan yang tinggi daripada pelajar luar negara yang berminat untuk menyertainya. Malah ada negara yang menganjurkan mini PABM untuk memilih peserta yang terbaik untuk mewakili negara mereka ke pertandingan PABM. PABM yang asalnya dipertandingkan dalam satu kategori kini dipertandingkan dalam tiga kategori, iaitu kategori antarabangsa, kategori pelajar antarabangsa di Malaysia dan kategori alam Melayu.

Program bercorak akademik dapat dianjurkan untuk menggalakkan pembentangan kertas kerja dan penyelidikan ahli akademik. Oleh

sebab penyelidikan dan pembentangan merupakan sebahagian daripada tugas hakiki ahli akademik, sudah pasti program seperti ini akan mendapat sambutan. Pada zaman digital yang serba canggih ini, program yang dianjurkan boleh sahaja disiarkan secara maya untuk disaksikan oleh pelayar seantero dunia. Hal ini bukan sahaja dapat membuka peluang kepada program tersebut untuk

dicapai oleh lebih banyak orang, tetapi juga mampu mengurangkan kos dalam usaha memperkasakan bahasa Melayu.

Yang pastinya, bahasa Melayu sudah terbukti berupaya menjadi bahasa perantaraan dalam pelbagai aspek kehidupan. Namun demikian, seperti benda hidup lain yang mampu berkembang, bahasa juga boleh mati jika tidak dijaga dengan baik. Janganlah kerana kealpaan kita terhadap bahasa Melayu dan keghairahan kita yang terlalu mengagungkan bahasa asing, kita mematikan bahasa kebangsaan kita. Kita seharusnya sedar bahawa usaha untuk memartabatkan bahasa Melayu di persada antarabangsa tidak seharusnya terletak di bahu pihak tertentu sahaja.

Adalah tidak adil jika usaha ini hanya terletak di letak di bahu kerajaan atau agensi berkaitan dengan bahasa seperti Dewan Bahasa dan Pustaka serta Institut Terjemahan dan Buku Malaysia sahaja. Memang benar, mereka peneraju utama untuk memperkasakan bahasa Melayu, namun setiap daripada kita memainkan peranan yang tersendiri. Jika semua daripada kita terus menjunjung dan memainkan peranan masing-masing untuk menaikkan bahasa Melayu, sudah pasti bahasa yang kita cintai ini akan terus kekal relevan. Semua cabaran yang dilalui ini seharusnya menjadi mangkin kepada pencinta dan pejuang bahasa untuk terus memperkasakan bahasa Melayu hingga berkekal kepada generasi seterusnya. **PB**